

03 JUN 2003

G8-GULUNG/I

PEMIMPIN NEGARA G8 AKHIRI MESYUARAT DENGAN HARAPAN TINGGI EKONOMI PULIH

Oleh: Yong Soo Heong

EVIAN, 3 Jun (Bernama) -- "Apa yang berlalu biarlah berlalu dan marilah kita maju ke peringkat seterusnya," kata Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien.

Perang sudah berakhir, katanya, merujuk kepada ketegangan yang tercetus antara pemimpin-pemimpin negara Kumpulan Lapan (G8), sebuah pertubuhan yang terdiri daripada tujuh negara perindustrian paling maju (Perancis, Jerman, Britain, Jepun, Itali, Kanada dan Amerika Syarikat) dan Russia.

Jawapan Chretien kepada soalan mengenai perang di Iraq, barangkali merupakan kenyataan terbaik dari kalangan pemimpin-pemimpin negara G8 kerana ia menekankan perlunya melupakan perbezaan pendapat mereka pada masa lalu yang mengancam perpaduan mereka.

Malah, kata Chretien, suasana di Evian adalah lebih baik daripada di St Petersburg, Russia apabila beberapa orang pemimpin negara G8 menghadiri perayaan menyambut ulang tahun ke-300 bandaraya Barat Russia itu.

Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush, menyifatkan suasana perbincangan mereka sebagai mesra dan positif.

Chirac, bersama dengan Canselor Jerman Gerhard Schroeder dan Presiden Russia, Vladimir Putin, telah berkempen menentang pencerobohan ke atas Iraq, malah berikrar untuk menghalang keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memberi kebenaran untuk menggunakan tindakan ketenteraan terhadap Presiden Saddam Hussein.

Tetapi, perhimpunan di Evian telah membolehkan pemimpin-pemimpin ini melupakan perbezaan pendapat mereka berhubung pencerobohan ke atas Iraq.

Dalam satu kenyataan pada akhir mesyuarat mereka, pemimpin-pemimpin G8 berkata, mereka berkongsi pendapat bahawa kini masanya telah tiba untuk mewujudkan keamanan dan membina semula Iraq.

Pemimpin-pemimpin G8 juga menyambut baik pengumuman PBB untuk mengadakan persidangan antarabangsa mengenai pembinaan semula Iraq kerana beberapa negara menyatakan bahawa sukar bagi mereka mengadakan pembiayaan jika pembinaan semula itu tidak diletakkan di bawah naungan PBB.

Untuk berlaku adil, pemimpin Russia, Putin patut diberi pujian kerana mengadakan perayaan ulang tahun St Petersburg sebelum Sidang Kemuncak G8 kerana ia membolehkan dua pihak yang bertelagah (Amerika Syarikat dan Britain di satu pihak manakala Perancis, Jerman, Russia dan Kanada di satu pihak lain) mengenai perang Iraq untuk bersua muka buat pertama kali sejak campur tangan ketenteraan bermula pada bulan Mac.

Pemimpin-pemimpin G8 itu juga mengulangi keyakinan mereka tentang pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin kukuh kerana risiko kelembapan semakin reda.

Tanggungjawab bersama mereka adalah mempertingkatkan pertumbuhan dalam ekonomi masing-masing dan dengan demikian, menyumbang kepada keadaan ekonomi dunia yang lebih kukuh.

Pemimpin-pemimpin G8 berkata, oleh kerana sumbangan daripada negara-negara G8 terpaksa bergantung kepada reformasi struktur, maka mereka mengesahkan komitmen mereka untuk melaksanakan reformasi dari segi pasaran buruh, produk dan modal.

Mereka juga menyedari perlunya memperkukuhkan keyakinan pelabur dengan memperbaiki tadbir urus korporat, memperbaiki disiplin pasaran dan mempertingkatkan ketelusan.

Malaysia, bukan sebuah negara anggota G8, yang diwakili oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Sidang Kemuncak G8 itu, telah

berulang kali menegaskan perlunya diwujudkan disiplin yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan sejak tahun 1997 lagi.

Pemimpin-pemimpin G8 juga mengulas tentang pembalakan haram dan berkata bahawa mereka berazam untuk menggembeleng usaha antarabangsa bagi menangani masalah ini dan memastikan pengurusan hutan yang mapan dan mengesahkan Pelan Tindakan bagi mengurangkan ancaman daripada eksploitasi berlebihan sumber-sumber laut serta mempertingkatkan keselamatan maritim.

Walaupun Evian bebas daripada tunjuk perasaan, namun keadaan tidak sama di Geneva dan Lausanne di tebing Tasik Geneva di sebelah Switzerland.

Keganasan penunjuk perasaan berterusan selama tiga malam berturut-turut sehingga Selasa di Geneva.

Bagaimanapun, suasana aman dan tenang kini wujud semula di Lausanne. --
BERNAMA

SHY FR KY ZK